

Newspaper	Berita Harian
Date	19 June 2015

# 'Tun M guna media asing serang Najib'

BH - 19/6/2015

» Tindakan terdesak jatuhkan PM, UMNO: Shahrir

Oleh Mohd Hamizar Hamid, Luqman Luqman Arif Abdul Karim dan Ahmad Suhael Adnan

bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad menggunakan media antarabangsa, *New York Times* untuk menyerang Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan UMNO disifatkan sebagai langkah terdesak untuk meraih perhatian dan mengaibkan negara sendiri.

Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman, menyifatkan tindakan bekas Perdana Menteri itu yang mengaibkan negara sendiri menerusi media

antarabangsa sebagai tidak bertanggungjawab dan menyalahgunakan kebebasan bersuara.

"Dakwaan Dr Mahathir kononnya UMNO ketandusan pemimpin berkualiti dan parti ini sekadar tempat buangan yang berselindung menggunakan politik sehingga mengepikan bakat baharu adalah tidak berasas.

## Budaya pak turut

"Padahal Dr Mahathir sendiri ketika menerajui parti selama 22 tahun mewujudkan budaya 'yes men' (pak turut) demi memperkukuhkan kedudukannya, selain memperkenalkan sistem kuota bagi kerusi Presiden UMNO.

"Datuk Seri Najib kemudian bertungkus-lumus mendemokrasikan perlembagaan parti supaya UMNO lebih terbuka kepada persaingan termasuk kerusi kepimpinan utama," katanya dalam surat terbuka kepada Pengarang *New York Times*, semalam.

Mengenai tuduhan terhadap

Malaysia Development Berhad (1MDB), katanya, tidak bertanggungjawab bagi mana-mana rakyat Malaysia, apatah lagi bekas Perdana Menteri untuk menyebarkan pembohongan dan putar belit mengenai syarikat milik kerajaan untuk mewujudkan rasa tidak puas hati masyarakat awam.

"Beliau terus menyerang berbanding menunggu hasil siasatan Bank Negara, Jabatan Audit Negara dan badan bebas, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Ini menunjukkan Dr Mahathir tidak berminat dengan jawapan pihak berkuasa. Beliau guna 1MDB untuk menjatuhkan Perdana Menteri," katanya.

## Tiada sambutan

Sementara itu, Pengerusi Kelab Penyokong Barisan Nasional (BN), Tan Sri Shahrir Abdul Samad, berkata temu bual Dr Mahathir dengan media asing itu dilakukan selepas mendaapati tuduhan menerusi media tempatan tidak mendapat sambutan, khususnya daripada

da pemimpin UMNO dan Ahli Parlimen BN.

Shahrir yang juga Ahli Parlimen Johor Bahru turut menegaskan, beliau kecewa dengan tindakan Dr Mahathir yang ketika menjadi pemimpin dulu, sentiasa menyatakan bahawa media antarabangsa tidak boleh dipercayai dan ada kepentingan tertentu, tetapi sekarang menggunakan mereka.

"Demi matlamatnya, dia sanggup lakukan apa sahaja. Masalahnya ialah apa tujuannya, apa kesudahannya... pada saya kesudahannya dia nak hancurkan UMNO," katanya kepada *BH* semalam.

Dr Mahathir dalam temubual dengan *The New York Times* di Putrajaya kelmarin terus mengkritik Perdana Menteri.

Shahrir turut menafikan UMNO semakin ketinggalan, tidak meraikan pemimpin muda dan berkelayakan, sedangkan anak Dr Mahathir sendiri, iaitu Datuk Seri Mukhriz kini menjadi Menteri Besar Kedah, malah UMNO ada ramai wakil rakyat berpendidikan, profesional seperti doktor, peguam dan jurutera.

Sementara itu, Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaludin, berkata tindakan memburukkan pemimpin negara menerusi media asing tidak sepatutnya berlaku dan melamparkan hujah tanpa bukti kukuh adalah tindakan yang sangat tidak wajar.